

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada mengikut perenggan 3(1) (dibawah tajuk Kecualian dan Peralihan) Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) 2015, untuk Ahli-Ahli Parlimen yang telah berhenti menjadi Ahli Parlimen dan sedang menerima pencen sejak sebelum 1.1.2009, adakah pencen mereka akan diselaraskan mengikut kenaikan gaji Ahli-Ahli Parlimen baru-baru ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen yang telah berhenti dan sedang menerima pencen sejak sebelum 1 Januari 2009 tidak layak untuk mendapat pelarasan pencen, dengan izin, *pension adjustment* mengikut elaun baharu Ahli Parlimen.

Ini termasuk keluarga bagi Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada atau sebelum 31 Disember 2008. Sebaliknya, mereka akan menerima pelarasan kenaikan kadar pencen sebanyak dua peratus (2%) setiap tahun sepanjang hayat yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014.

Pelarasan ini menggantikan kaedah lama di mana kenaikan kadar pencen berlaku sekiranya berlaku pelarasan elaun Ahli Parlimen atau gaji Anggota Pentadbiran yang sedang berkhidmat. Pelarasan pencen cara baharu berkuat kuasa pada tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perubahan ini adalah selaras dengan permintaan bekas ahli dan anggota yang sering mengadu bahawa pelarasan pencen cara lama membawa masalah kerana pelarasan gaji berlaku sekali dalam tempoh empat (4) atau lima (5) tahun bagi menampung kos sara hidup.

Pelarasan pencen cara baharu juga dilaksanakan bagi semua penerima pencen sektor awam iaitu pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, pesara Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan bekas Hakim.